

## **APLIKASI KOGNISI DALAM PENULISAN KARANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH MELALUI KAEDAH PEDAGOGI HERMENEUTIK**

**Suppiah Nachiappan, Krishnaveni Achebabu, & Fatimah Mohd. Zulkafaly**  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

### **ABSTRAK**

Penulisan karangan adalah suatu komponen yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Pelajar menulis karangan berdasarkan pelbagai format seperti cerita, perbincangan dan surat kiriman tidak rasmi. Sampel kajian adalah daripada pelajar Tingkatan 3 dari sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan di Selangor. Dalam kajian ini 14 sampel karangan yang baik sahaja dipilih untuk dibuat analisis berdasarkan Kaedah Pedagogi Hermeneutik untuk menganalisis aplikasi kognisi yang terlibat dalam penulisan karangan. Hasil kajian didapati bahawa pelajar dapat mencungkil dan memproses maklumat semasa menulis karangan dengan menghasilkan karangan yang baik dengan mengutamakan isi kandungan dalam karangan mencapai tahap cemerlang. Hasil kajian ini juga didapati bahawa pengetahuan sedia ada pelajar daripada memori jangka panjang membantu mengaplikasi unsur kognisi dan afeksi dalam menghasilkan karangan yang baik.

**Kata Kunci:** Aplikasi kognisi, karangan Bahasa Melayu, kaedah pedagogi hermeneutik

### **ABSTRACT**

*Writing essay is considered as one of the important component in teaching and learning Malay Language. Students write essays using different kinds of format such as story, discussion and informal letters. The research samples were from Form 3 students from a secondary school in Selangor. In this research a total of 14 samples of only good essays were chosen to do the analysis using Pedagogy Hermeneutics method to analysis the application of cognition in essay writing. The result showed that students be able to retrieve and process information while writing essay and produce good essays with the level of excellent contents. This research also shows that student's previous knowledge from long term memory helped to apply cognition and affection elements to produce good essays.*

**Keywords:** Cognition application, Malay essay, hermeneutic paedagogy method

### **PENGENALAN**

Ramai yang tidak tahu bahawa karangan juga merupakan salah satu aktiviti berfikir aras tinggi. Menurut Shahlan *et al.*, (2013). Aktiviti penulisan juga merupakan satu aktiviti berfikir aras tinggi yang kompleks yang memaparkan imaginasi perasaan, tahap minda, cita rasa dan tahap kognitif penulisnya dan dianggap sebagai satu kemahiran berbahasa yang paling sukar dilakukan.

Pelajar perlu mempunyai rasa bertanggungjawab untuk menghasilkan karangan yang baik. Rasa tanggungjawab pelajar untuk menulis karangan yang baik dapat dilahirkan dengan mewujudkan kesedaran dan stres dalam emosi pelajar semasa proses penulisan dijalankan. Kesedaran dan stres dalam emosi pelajar ini dikenali sebagai domain afeksi. Domain afeksi ini termasuk perasaan, mood, kepercayaan dan motivasi yang bertujuan untuk melahirkan kesedaran kepada pelajar supaya dapat menulis karangan yang baik. Menurut Suppiah *et al.* (2012), afeksi bertindak sebagai unsur dalaman yang membantu menjana ilmu pengetahuan. Afeksi menjadi asas untuk proses pemikiran dan ingatan. Reaksi afeksi dapat mengembangkan pelajar secara kognisi untuk menghasilkan karangan yang baik. Apabila reaksi afeksi diganggu, maka terganggu proses pencungkilan maklumat tentang sesuatu tajuk karangan daripada tahap bawah sedar pelajar. Hal ini menyebabkan proses penulisan karangan yang baik mengalami kecacatan sehingga terdapat pelbagai kategori karangan yang terdiri daripada karangan yang baik, sederhana dan lemah.

Kognisi pula merujuk kepada suatu kelemahan besar psikologi tradisi yang menjadikan proses pemikiran seolah-olah muncul sebagai suatu aliran automatik atau 'pemikiran-pemikiran memikir sendirinya' yang memisahkan keseluruhan hidup daripada keperluan dan keinginan personal seorang pemikir.

### **Objektif Kajian**

Dalam kajian ini, diteliti 3 objektif seperti berikut:

- i. Mengetahui pasti analisis kognisi dalam penulisan karangan dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- ii. Mengetahui pasti sejauh mana pelajar dapat mencungkil dan memproses maklumat semasa menulis karangan berdasarkan Kaedah Pedagogi Hermeneutik.
- iii. Mengetahui pasti sejauh mana pengetahuan sedia ada pelajar mempengaruhi penulisan karangan.

### **Soalan Kajian**

Bagi menyelidik saranan objektif-objektif yang tersebut, maka soalan-soalan yang berikut dikemukakan sebagai soalan kajian:

- i. Apakah analisis kognisi dalam penulisan karangan dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- ii. Sejauh manakah pelajar dapat mencungkil dan memproses maklumat semasa menulis karangan berdasarkan Kaedah Pedagogi Hermeneutik?
- iii. Sejauh manakah pengetahuan sedia ada pelajar mempengaruhi penulisan karangan?

### **TINJAUAN LITERATUR**

Dalam kajian ini, penyelidik akan memberi tumpuan kepada penulisan karangan Bahasa Melayu Sekolah Menengah, gaya kognisi, Kaedah Pedagogi hermeneutik, pendekatan penulisan karangan serta cara pengajaran sesuai yang harus digunakan oleh guru untuk meningkatkan kemahiran penulisan karangan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kemahiran penulisan karangan ini menunjukkan betapa penting seseorang pelajar harus mempelajari kerana ia memainkan peranan penting sekiranya pelajar ingin mendapat keputusan yang cemerlang dalam subjek Bahasa Melayu. Pengkaji juga menumpukan kepada beberapa teori, iaitu teori pemprosesan maklumat (Gagne), teori schemata (Rumelhart) dan teori Hermeneutik.

Kamarudin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz (2009), pula berpendapat bahawa kemahiran menulis adalah satu kemahiran yang penting yang perlu dikuasai oleh pelajar bukan sahaja dalam pembelajaran bahasa tetapi juga untuk mata pelajaran yang lain. Hal ini kerana bahasa merupakan media untuk melahirkan buah fikiran. Menulis dalam apa bentuk sekalipun mustahak kerana ia dapat membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam pelajaran.

Kemahiran menulis adalah satu aspek yang penting dalam pembelajaran bahasa Melayu. Menurut Baharum Sulaiman (1997), kemahiran mengarang perlu dipelajari oleh setiap pelajar di sekolah dan mereka perlu diberi latihan secara intensif kerana sebahagian besar daripada pendidikan formal melibatkan kerja-kerja menulis. Namun begitu, didapati para pelajar amat sukar menguasai kemahiran ini dengan baik.

Menurut Abdul Rasid Jamian (2011) pula, kemahiran membaca dan menulis merupakan kemahiran asas bahasa Melayu untuk murid-murid sekolah rendah. Hal ini amat penting untuk mereka mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada masa hadapan. Oleh hal yang demikian, beliau menjalankan kajian untuk mengenal pasti permasalahan tentang kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah di luar bandar. Responden kajian terdiri daripada 161 orang murid sekolah rendah tahun 4 dan 5 di luar bandar di Negeri Sembilan, Pahang dan Sarawak. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik yang merangkumi maklumat latar belakang serta masalah yang murid-murid alami dalam kemahiran membaca dan menulis.

Dalam pada itu, menurut Abdul Rasid Jamian (2011), terdapat masalah dalam diri murid untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam bahasa Melayu, antaranya, pengetahuan asas membaca dan menulis, persekitaran dan kaedah pengajaran guru. Manakala, dapatan kajian dalam masalah kemahiran membaca menunjukkan bahawa kegagalan murid-murid memahami kandungan maklumat dalam teks yang dibaca dan tidak

memahami maksud ayat yang dibaca. Dapatan kajian tentang masalah kemahiran menulis pula menunjukkan bahawa murid-murid tidak dapat membezakan huruf besar atau huruf kecil melalui pengecaman, di samping itu mengenali tanda baca. Kesimpulannya, bagi mengatasi masalah ini, pendidikan pemulihan merupakan satu wadah yang dapat membantu meningkatkan potensi murid-murid yang mengalami masalah dalam kemahiran membaca dan menulis. Program pemulihan peringkat awal akan memberi kesan yang lebih efektif dalam usaha memperkasakan pendidikan di negara kita.

Menurut Hashim Othman (2008), terdapat tiga jenis komponen yang perlu ada dalam karangan pelajar, iaitu kecekapan sosiolinguistik, kecekapan wacana dan kecekapan tatabahasa. Beliau telah membuat kajian tentang analisis kecekapan perlakuan minimum karangan terhadap pelajar tingkatan empat dan mendapati bahawa grad pencapaian pelajar bagi karangan jenis penerangan, pemujukan dan pengalihan masing-masing berada pada tahap grad 3.00. Ini menunjukkan perlakuan minimum pelajar terhadap karangan mereka masih berada pada tahap sederhana.

### **Kajian Kaedah Pedagogi Hermeneutik**

Hermeneutik merupakan sains yang membicarakan tingkah laku manusia melalui metodologi yang sesuai dalam konteks dunia kini. Sains Hermeneutik dianggap suatu inkuiri yang menyiasat dan membongkar misteri yang tersembunyi terhadap tingkah laku manusia (Loganathan, 1992). Menurut Loganathan (1992), kaedah Hermeneutik adalah satu bentuk kajian saintifik. Ini adalah kerana kaedah Hermeneutik cuba mencari kebenaran melalui pemikiran rasional manusia. Menurut beliau lagi terdapat beberapa kaedah untuk memahami perlakuan manusia dan kaedah sains Hermeneutik adalah salah satu penyelesaiannya. Manusia bebas menggunakan apa sahaja metodologi atau kaedah dalam penyelidikannya kerana ada juga kaedah-kaedah yang membolehkan kita melihat kebenaran dan juga ada kaedah yang tidak membolehkan kita melihat kebenaran.

Dalam kajian ini, falsafah dan asas-asas Hermeneutik telah digunakan untuk mencungkil cara bagaimana pelajar sekolah melahirkan sesebuah karangan secara formal di dalam peperiksaan. Dikaji apakah kognisi secara sedar dan di bawah sedar digunakan semasa pelajar mengarang karangan jenis cerita, perbincangan dan surat kiriman tidak rasmi semasa peperiksaan di sekolah. Dalam pada itu, dikaji juga bagaimana atau sejauh mana maklumat dalam ingatan memori jangka panjang tentang ilmu pengetahuan dan pengalaman pembelajaran masa lampau, bahasa, sosiobudaya dan kemahiran-kemahiran penaakulan sesuatu peristiwa pembelajaran mempengaruhi penghasilan karangan yang baik.

Kajian ini berdasarkan rekabentuk kajian yang menggunakan analisis Hermeneutik sebagai metodologi untuk menginterpretasikan teks karangan dalam menganalisis aplikasi kognisi dalam pengajaran dan pembelajaran dalam konteks bilik darjah. Selain itu, pengkaji menjalankan kajian ini untuk mengenal pasti sejauh mana pelajar dapat mencungkil dan memproses maklumat semasa menulis karangan dan juga untuk mengenal pasti sejauh mana pengetahuan sedia ada pelajar mempengaruhi penulisan karangan. Dalam kajian ini juga, menganalisis aplikasi kognisi dalam penulisan karangan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Mengikut kaedah pedagogi Hermeneutik, karangan pelajar disebut sebagai teks dan selepas diinterpretasikan, hasilnya disebut sebagai metateks. Metateks dalam konteks kajian ini adalah rumusan tentang bagaimana aplikasi kognisi oleh guru dalam pengajaran dapat membantu pelajar menghasilkan sebuah karangan.

Sampel kajian terdiri daripada karangan pelajar Tingkatan 3 di sebuah sekolah dalam bandar di Bandar Baru Bangi, Selangor. Sebanyak 14 buah karangan telah digunakan untuk menganalisis aplikasi kognisi dalam pengajaran dan pembelajaran melalui Kaedah Pedagogi Hermeneutik. Tiga pilihan tajuk telah diberikan semasa pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan pelajar dikehendaki memilih satu tajuk dan menulis karangan dalam Bahasa Melayu. Panjang karangan yang dihasilkan oleh pelajar tidak kurang daripada 180 patah perkataan. Tajuk-tajuk yang dikemukakan adalah seperti berikut:

Karangan A: Jenis Cerita

Pasar malam sentiasa menjadi tumpuan ramai orang kerana mempunyai pelbagai keperluan asas di situ. Gambarkan suasana pasar malam di tempat anda.

Karangan B: Jenis Perbincangan

Semakin hari kualiti alam sekitar semakin tercemar. Bincangkan langkah-langkah untuk melindungi alam sekitar.

Karangan C: Jenis Surat Kiriman Tidak Rasmi

Tuliskan sepucuk surat menceritakan pengalaman anda sepanjang cuti persekolahan yang lalu. Tuliskan surat tersebut selengkapnyanya.

**Jadual 1. Analisis karangan jenis cerita**

<p style="text-align: center;"><b>Teks Asal (Karangan) (Tidak diedit)</b></p>	<p style="text-align: center;"><b>Interpretasi Aplikasi Kognisi Dalam Penulisan Karangan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Melalui Kaedah Pedagogi Hemerneutik</b></p>
<p><b>Teks Karangan 1</b></p> <p>Laungan-laungan suara para peniaga dapatku dengari selantas aku melangkah masuk ke perkarangan pasar malam yang tidak jauh dari rumahku. Suasana hiruk-piruk dan serba kucar-kacir yang menyumbang kepada pencemaran bunyi ini sememangnya sudah sehati dengan suasana di pasar malam ini. Aku perhatikan gerai di sekelilingku satu per satu. Di sebelah kiriku terdapat gerai menjual nasi lemak berlauk manakala gerai menjual 'Yong Tau Foo' terletak di kananku. Sememangnya, pasar malam ini terkenal sebagai 'syurga makanan' kerana kepelbagaian jualan yang terdapat di sini. Makanan Melayu, Cina, Timur, Barat semuanya dapat dijumpai di sini. Aku berpaling dan meneruskan langkah menuju ke arah. Sememangnya, pasar merupakan sumber keperluan asas dan memang terdapat banyak raga, pengunjungnya. Namun begitu, perasaan puas hati itu ada apabila aku melangkah pulang.</p>	<p>Pelajar ini telah mencapai tahap kepujian dalam penulisan karangan. Pelajar dapat memahami dan memproses maklumat berdasarkan tajuk karangan berformat cerita dengan baik dan berkesan.</p> <p>Pelajar prihatin terhadap isu atau tajuk karangan dan berjaya mencungkil isi dan huraian dari tahap bawah sedar pelajar untuk ditulis dalam karangan.</p>
<p><b>Teks Karangan 2</b></p> <p>Pasar malam merupakan tempat di mana semua peniaga berkumpul bagi menjual barang-barang jualan mereka. Pasar malam selalunya dibuka pada jam 5 petang hingga 10 malam. Lokasi pasar-pasar tersebut biasanya sudah ditentukan dan peniaga perlulah membayar sejumlah wang kepada pemilik tapak atau kawasan itu. Kos menyewa tapak biasanya RM10.00 semalaman. Peniaga biasanya terdiri daripada golongan umur pertengahan 20 tahun hingga 30 tahun walaupun terdapat juga segelintir yang berumur lebih 40 tahun. Selepas Solat Maghrib, pasar tersebut mula dipenuhi orang. Pelbagai ragam peniaga dapat saya saksikan yang sedang cuba mempromosi barang-barang jualan mereka. Seperti kebiasaan, peniaga yang menjual ikan melaung-laungkan harga ikan-ikan jualan mereka bagi tujuan mempromosikan barang jualan mereka. Tidak ketinggalan juga, peniaga yang menjual minyak wangi duduk dihadapan gerai mereka sambil cuba menyuruh orang mencuba minyak wangi jualannya. Pembeli pula sedang sibuk menuju ke gerai pilihan mereka sambil meneliti barang-barang yang mereka minati. Suasana di pasar malam merupakan suasana yang agak digemari orang yang suka bersosial. Suasananya agak meriah dan kelim kabut kerana ramai orang di sesuatu tempat. Walaubagaimanapun, sesiapa yang berkunjung ke sana beruntung kerana walaupun agak kelim-kebut, namun banyak barang yang boleh didapati di sana dengan harga yang sungguh berpatutan. Sungguhpun begitu, siapa yang mementingkan jenama tidak sesuai ke pasar malam kerana selalunya barang-barang di pasar malam tidak mempunyai jenama.</p>	<p>Pelajar mempunyai gaya penulisan karangan dengan menganalisis maklumat yang sesuai dengan tajuk karangan.</p> <p>Pelajar dapat mencungkil maklumat-maklumat yang relevan daripada tahap bawah sedar minda dengan turutan yang baik dan memperincikan satu persatu berdasarkan proses kognitif.</p> <p>Pelajar berjaya mengaplikasi unsur-unsur kognitif dengan menyambung baik urutan peristiwa yang membina episod perkembangan berdasarkan isi dan huraian yang lengkap.</p>

**Jadual 2. Analisis karangan jenis perbincangan**

Teks Asal (Karangan)	Interpretasi Aplikasi Kognisi Dalam Penulisan Karangan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Melalui Kaedah Pedagogi Hemerneutik
<p><b>Teks Karangan 1</b></p> <p>Dalam meniti aras kemodenan ini, alam sekitar kelihatan semakin tercemar. Penebangan pokok secara haram berleluasa menjadikan hakisan tanah berlaku ketika hujan. Landskap bumi pun sudah berubah, menjadikan bumi bukan lagi tempat yang selesa untuk dialami. Kita tidak dapat menafikan bahawa alam sekitar sememangnya sudah tercemar. Kita wajar melindungi alam sekitar ini. Kerajaan sepatutnya membuat kempen ‘Sayangi Alam Sekitar’ supaya rakyat sedar akan alam yang tercemar ini. Justeru, mereka akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengembalikan keindahan alam di samping melindunginya. Tambahan pula, kita sebagai rakyat yang prihatin terhadap alam sekitar mampu melindungi alam sekitar dengan menggunakan barang yang dikitar semula dan barang yang mesra alam. Dengan ini, kita dapat mengurangkan perbelanjaan dan memupuk sifat tidak membazir di dalam diri kita. Konklusinya, kita perlulah menghargai ciptaan Tuhan yang hebat ini dan melindunginya supaya nasi tidak menjadi bubur. Kita juga perlulah menjaga alam sekitar sebaik-baiknya supaya kita boleh hidup dengan sihat dan ceria di samping mengelakkan diri daripada dihidapi penyakit seperti kanser dan katarak persis pepatah menghindar lebih baik daripada merawat. Kita sepatutnya bersyukur kepada Tuhan yang telah menganugerahkan alam yang indah kepada kita dan tidak sepatutnya menjadi bagai kacang melupakan kulit.</p>	<p>Pelajar menyokong kehendak tajuk karangan. Pelajar mengemukakan beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini. Penerangan untuk setiap langkah sangat teratur dan jelas. Pelajar dapat mengemukakan beberapa isi yang mengaitkan semua pihak untuk mengatasi langkah-langkah tersebut.</p> <p>Pelajar telah menganalisis, mensintesis dan menilai langkah-langkah tersebut, iaitu pihak kerajaan, pihak sekolah dan rakyat.</p> <p>Pelajar juga peka terhadap banyak masalah yang dihadapi tanpa melindungi alam sekitar.</p>
<p><b>Teks Karangan 2</b></p> <p>‘Sayangilah Alam Sekitar’, kata-kata ini sering diwar-warkan kepada kita. Namun, kita tidak mengendahkan kata-kata tersebut. Akibatnya, semakin hari kualiti alam sekitar semakin tercemar sehingga menyebabkan terjadinya perkara-perkara yang negatif terhadap alam sekitar. Pelbagai langkah efektif yang dapat dilakukan bagi melindungi alam sekitar daripada musnah. Langkah yang pertama untuk melindungi alam sekitar adalah jangan membuang sampah merata-rata di sesuatu kawasan. Elakkan membuang sampah ke dalam sungai kerana akan mengakibatkan pencemaran sungai. Kita seharusnya membuang sampah di dalam tong sampah ataupun mengitar semula bahan terbuang untuk menjaga alam sekitar. Selain itu, kita mestilah mengelakkan kegiatan menebang pokok-pokok secara haram di hutan. Pihak berkuasa haruslah mengharamkan kegiatan ini dan memberikan hukuman kepada pembalak-pembalak haram serta memberikan denda kepada sesiapa yang didapati bersalah. Janganlah membakar hutan tanpa kebenaran kerana akan mencemarkan udara dan flora dan fauna akan semakin pupus. Natijahnya, sebagai seorang insan yang prihatin, kita haruslah mencintai alam sekitar dengan sentiasa menjaga dan melindungi alam sekitar. Janganlah melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak berfeadah kerana akan mengakibatkan kemusnahan alam sekitar. Ingatlah, alam yang bersih, tanggungjawab bersama.</p>	<p>Pelajar ini dapat mengemukakan satu karangan yang ringkas dan jelas.</p> <p>Pelajar menulis karangan dengan menyatakan tajuk karangan yang menyentuh mengenai alam sekitar.</p> <p>Pelajar menulis karangan dengan memberi penekanan bahawa langkah-langkah untuk melindungi alam sekitar harus diambil berat oleh semua pihak.</p>

<p><b>Teks Karangan 3</b></p> <p>Era ini, kualiti alam sekitar semakin tercemar. Hal ini demikian kerana banyak orang tidak tahu cara yang sepatutnya untuk melindungi alam sekitar mengakibatkan kesan-kesan pada hari ini. Setiap pihak mempunyai peranan masing-masing untuk melindungi alam sekitar. Mengikut kajian daripada pihak pakar, kanak-kanak yang berumur 10 bawah akan menyerap lebih banyak kata-kata atau pembelajaran daripada pihak ibu bapa atau guru-guru di sekolah. Selain itu, ibu bapa juga bertanggungjawab memberitahu anak-anak masing-masing agar membuang sampah ke dalam tong yang berwarna yang berlainan. Tong-tong ini dapat menarik perhatian kanak-kanak untuk memerhatikannya dan membuang sampah ke dalam tong tersebut mengikut jenis sampah.</p> <p>Langkah yang seterusnya merupakan cara yang patut diamalkan oleh setiap masyarakat di Malaysia iaitu berkongsi kereta semasa ke mana-mana sahaja. Sesungguhnya, langkah ini sering diseur oleh pihak kerajaan ataupun menayangkan video-video yang berkaitan di kaca televisyen, masyarakat tetap tidak mengamalkan sikap ini menyebabkan masalah udara dan bunyi menjadi semakin serius di bandar-bandar utama seperti di Kuala Lumpur terutamanya waktu lepas persekolahan atau lepas kerja. Masyarakat pada era ini menghadapi banyak masalah dan mempunyai tekanan yang tinggi. Jikalau mengalami kesesakan jalan raya selepas waktu persekolahan atau selepas waktu kerja, mereka akan bertamabha merusing dalam barisan kesesakan jalan raya. Sekiranya ramai orang yang mengamalkan aktiviti berkongsi kereta, makalah masalah pencemaran bunyi dan udara akan berkurangan di bandar-bandar utama.</p> <p>Sebagai konklusinya, alam sekitar haruslah dilindungi dan dijaga oleh setiap masyarakat di Malaysia. Biarlah kita yang sebagai rakyat Malaysia bersama-samalah melindungi alam sekitar dan Malaysia menjadi Negara kemuncak dunia. Malaysia Boleh!</p>	<p>Permulaan karangan yang baik. Pelajar memahami lebih mendalam mengenai tajuk sebelum menulis karangannya.</p> <p>Dalam penerangan, pelajar menyatakan tentang semua pihak yang perlu bertanggungjawab.</p> <p>Pengetahuan pelajar luas dan kritis.</p> <p>Pelajar juga berasa yakin dan peka terhadap banyak masalah yang dihadapi tanpa melindungi alam sekitar.</p>
---	--

**Jadual 3. Analisis karangan jenis surat kiriman tidak rasmi**

<p><b>Teks Asal (Karangan)</b></p>	<p><b>Interpretasi Aplikasi Kognisi Dalam Penulisan Karangan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Melalui Kaedah Pedagogi Hemerneutik</b></p>
<p><b>Teks Karangan 1</b></p> <p>E2, 14, Blok E, Apartment Seri Cempaka, Jalan 6/13, Seksyen 16, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.</p> <p>29 Disember 2013</p> <p>Menemui sahabatku Nazuha kini berada di Terengganu, semoga sihat walafiat hendaknya.</p>	<p>Pelajar ini mencapai tahap kepujian. Pelajar sedar tentang format penulisan karangan surat kiriman tidak rasmi kerana telah menulis beberapa aspek seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Alamat pada halaman sebelah kanan.</li> <li>▪ Tarikh</li> <li>▪ Tandatangan</li> <li>▪ Menghadap surat kepada 'Nazuha'</li> </ul>

<p>Saudari,</p> <p>Warkah saudari sudah saya terima pada bulan yang lalu. Mula-mula sekali saya memohon maaf kepada saudari kerana terlewat membalas warkah saudari. Hal ini disebabkan oleh kesibukan untuk menyambut Hari Raya di kampung saya. Oleh sebab dalam warkah yang saudari tulis sebelum ini menceritakan mengenai pengalaman saudari sepanjang cuti persekolahn. Kali ini biar saya pula yang menceritakan pengalaman saya semasa cuti sekolah.</p> <p>Saya telah pulang ke kampung halaman ibu saya semasa cuti persekolahan. Apabila saya mendapati berita ini, saya terus melompat kegirangan. Hal ini demikian, di kampung halaman ibu saya terdapat dusun buah-buahan yang dimiliki oleh datuk saya. Dalam perjalanan ke kampung, saya berangan-angan memikirkan pelbagai jenis buah yang akan saya nikmati nanti. Tamabahan pula, ibu saya berkata bahawa sekarang ini musim 'raja buah' iaitu durian.</p> <p>Esoknya, pelbagai jenis permainan yang dipertandingkan antaranya galah panjang, boling menggunakan kelapa dan pinnya pula menggunakan botol-botol. Kemudian terdapat juga pertandingan hias diri antara anak perempuan dan ibunya. Selain itu, terdapat juga pertandingan untuk ibu bapa di mana mereka harus mempunyai kerjasama yang kuat untuk mengharungi cabaran merentas desa dengan sebelah kaki harus diikat bersama. Pagi esoknya, kami berangkat awal ke dusun buah datuk saya. Terkaku saya saat melihat buah-buahan yang sangat lebat merimbun. Buah manggis, buah rambutan, buah manga dan yang paling utama sekali buah durian. Saya telah makan banyak buah-buahan di dusun datuk saya. Keluarga saya hanya ketawa melihat gelagat saya yang merupakan 'hantu buah'. Sampai di sini sahaja coretan saya pada kali ini. Saya ada selitkan beberapa gambar saya bersama keluarga semasa di dusun datuk saya.</p> <p style="text-align: right;">Yang Benar, MIMI NATASYA</p>	
<p><b>Teks Karangan 2</b></p> <p>No.5, Jalan 4/11F, Seksyen 4 Tambahan, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.</p> <p>22 April 2013</p> <p>Kehadapan sahabatku Ian yang kini berada di Sarawak dengan selamatnya.</p> <p>Saudara,</p> <p>Bagaimanakah keadaan sekeluarga di sana? Saya berharap agar saudara sekeluarga sihat selalu. Saya sekeluarga di sini sihat seperti biasa. Sebenarnya, tujuan saya mencoret surat ini adalah untuk berkongsi pengalaman saya di Pulau Pinang sepanjang cuti sekolah bulan Disember yang lalu.</p> <p>Sebelum bertolak ke Pulau Pinang, ibu telah mengepek makanan untuk dimakan di dalam kereta apabila dalam perjalanan ke Pulau Pinang. Perjalanan kami ke sana dengan menaiki kereta yang dipandu oleh ayah memakan masa sekurang-kurangnya 3 jam setengah. Dalam perjalanan,</p>	<p>Permulaan karangan dengan dimulakan dengan frasa yang baik dan menarik.</p> <p>Pelajar sedar tentang format penulisan karangan surat kiriman tidak rasmi kerana telah menulis beberapa aspek seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Alamat pada halaman sebelah kanan.</li> <li>▪ Tarikh</li> <li>▪ Tandatangan</li> <li>▪ Menghadap surat kepada 'Ian' dan bertanya khabar.</li> </ul>

kami dapat melihat bangunan-bangunan unik yang telah dibina. Selain itu, kami juga berasa amat seronok melihat kereta Ferari yang dipandu bersebelahan dengan kereta kami.

Pada keesokan harinya, kami telah melawat Fort Conwallies. Fort Conwallies merupakan sebuah benteng pertahanan yang dibina oleh British ketika menduduki Pulau Pinang. Selain itu, kami juga telah melawat gereja St'Paul. Gereja tersebut juga merupakan salah satu gereja yang dibina oleh British. Keindahan seni membinanya menarik perhatian saya sekeluarga. Kemudian, kami telah ke sebuah gerai makan yang menjual laksa Pinang iaitu salah satu makanan yang terkenal di Pulau Pinang.

Dua hari lagi di Pulau Pinang telah kami habiskan dengan berjalan-jalan di sekitar Pulau Pinang. Kami juga telah membeli-belah di sebuah pasaraya yang terkenal di Pulau Pinang. Kami juga tidak melepaskan peluang untuk menaiki beca mengelilingi Pulau Pinang. Sepanjang cuti kami di Pulau Pinang, kami melepaskan peluang untuk menangkap gambar untuk disimpan sebagai kenangan.

Sampai di sini sahajalah coretan saya buat saudara pada kali ini. Harap saudara gembira membaca warkah saya ini seperti mana saya berasa gembira berkongsi pengalaman saya di Pulau Pinang dengan saudara. Sehingga berjumpa lagi pada warkah seterusnya.

Yang Benar,  
NORSHEERA

## Perbincangan Soalan Kajian 1

### Aplikasi jenis karangan cerita

Kesemua karangan jenis format ini didapati tertumpu kepada cita rasa dan imaginasi pelajar yang menjurus aspirasi dan keinginan jiwa. Ini kerana pelajar masih kurang berpengalaman menulis karangan yang jalan ceritanya lebih kompleks. Pemprosesan kognisi yang dialami oleh pelajar adalah agak mudah dan pelajar dapat mencungkil idea dengan mudah daripada memori jangka panjang.

Justeru, apabila tajuk karangan diberi, sudah tentu pelajar memproses maklumat daripada bawah sedar untuk ditulis dalam karangan. Pengalaman lampau memang menyentuh jiwa pelajar dan proses afeksi lebih menonjol dalam mencungkil maklumat daripada memori jangka panjang dengan dibantu oleh proses kognisi. Menurut Suppiah (1997 & 2003), ekspresi (afeksi) dan pengalaman hidup yang sedia ada dalam tahap bawah sedar membantu pelajar menghasilkan karangan yang baik.

### Aplikasi jenis karangan perbincangan

Pelajar berjaya menyusun maklumat dalam menghasilkan karangan jenis ini. Daripada susunan itu dapat diinterpretasikan bahawa pelajar telah berjaya menggunakan proses kognisi yang terpendam dalam memori mereka untuk mencungkil informasi tentang langkah-langkah melindungi alam sekitar. Maklumat mengenai alam sekitar dapat dianalisis dengan baik.

Proses kognisi secara sedar seperti mengingat kembali, menganalisis, menghurai dan menyesuaikan maklumat dengan tajuk karangan yang diberikan telah berlaku serentak dengan proses kognisi di bawah sedar. Ilmu pengetahuan dan pengalaman yang terkumpul sekian lama melalui pembelajaran di bilik darjah, khususnya membantu pelajar dalam proses pemikiran. Proses pemikiran menganalisis fakta-fakta yang penting dan relevan melalui kognisi yang tersemat dalam minda pelajar. Proses kognisi menyelami ke tahap bawah sedar untuk mencungkil idea dan huraian tentang aspek alam sekitar. Kesemua karangan dalam kategori ini telah ditulis dengan



baik dengan mengambil kira format, isi dan huraian berdasarkan proses kognisi yang telah memotivasikan pelajar untuk menghasilkan karangan yang baik.

### **Aplikasi jenis karangan surat kiriman tidak rasmi**

Setelah dianalisis karangan-karangan dalam kategori ini, didapati pelajar dapat mengorganisasi dan menyusun idea dan huraian mengikut format surat kiriman tidak rasmi. Pelajar berjaya menulis pengalaman mereka sepanjang cuti persekolahan yang lalu. Hal ini kerana pelajar dapat menganalisis maklumat yang relevan dan bersesuaian dengan kehendak tajuk karangan dengan dibantu oleh proses kognisi seperti mengingat, menaakul dan mencungkil daripada memori jangka panjang di bawah tahap bawah sadar.

Dengan adanya proses kognisi dapat menyelami ke tahap bawah sadar untuk mencungkil idea dan huraian tentang pengalaman mereka sepanjang cuti persekolahan yang lalu telah dipelajari secara formal dan disimpan dalam memori jangka panjang. Pelajar berjaya memikir dan menyelami ke tahap bawah sadar minda melalui proses kognisi untuk mencungkil dan menghuraikan isi dan fakta yang dibincangkan dalam tajuk karangan tersebut.

## **Perbincangan Soalan Kajian 2**

### **Aplikasi jenis karangan cerita**

Pelajar memproses maklumat daripada tahap bawah sadar untuk ditulis dalam karangan. Pengalaman lampau memang menyentuh jiwa pelajar dan menonjol dalam mencungkil maklumat daripada memori jangka panjang dengan dibantu oleh proses kognisi.

### **Aplikasi jenis karangan perbincangan**

Beberapa orang penyelidik dalam bidang ini juga menyokong bahawa proses penulisan samalah seperti proses penyelesaian masalah (Flower dan Hayes, 1980) di mana idea dicungkil, disemak, dirujuk, disusun untuk menyesuaikan dengan kehendak tugas karangan. Fakta, isi dan huraian diolah oleh pelajar kerana tahap penguasaan kemahiran dan pengembangan isi dan format karangan telah dikuasai dan disimpan dalam memori jangka panjang pelajar. Pengetahuan yang terdapat dalam skemata pelajar dicungkil dan digunakan untuk mensintesis karangan jenis ini melalui penulisan karangan.

### **Aplikasi jenis karangan surat kiriman tidak rasmi**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar dapat mencungkil maklumat yang sedia ada dalam mengemukakan karangan jenis ini. Pelajar dapat memproses maklumat dan pengalaman yang telah dihadapinya semasa menulis karangan yang berkaitan dengan pengalaman mereka sepanjang cuti persekolahan yang lalu. Hal ini membuktikan bahawa pelajar dapat memikirkan dengan lebih mendalam tentang pengalaman mereka dan menyesuikannya dengan karangan yang telah dikemukukannya.

## **Perbincangan Soalan Kajian 3**

### **Aplikasi jenis karangan cerita**

Kesemua karangan jenis ini menceritakan keadaan atau suasana di pasar malam yang besar kemungkinan dapat dialami oleh pelajar itu sendiri. Hal ini kerana tabiat ke pasar malam adalah amalan kepada kebanyakan keluarga yang menguruskan kerja-kerja seharian. Pengalaman lampau yang dialami melalui kunjungan ke pasar malam dapat membantu pelajar merakam peristiwa-peristiwa yang telah berlaku di situ membolehkan pelajar menyimpan maklumat dalam memori jangka panjang sekian lama.

Selain itu, pelajar juga dapat mengemukakan karangan jenis cerita disebabkan pengetahuan sedia ada dalam pemikiran mereka. Kemungkinan besar pelajar pernah membaca contoh karangan jenis cerita dan mereka masih ingat bentuk penulisan karangan tersebut. Keadaan ini dapat membantu pelajar menulis karangan yang baik. Di samping itu, guru juga pernah menceritakan suasana pasar malam semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Penerangan guru juga dapat membantu pelajar mencungkil idea-idea yang relevan semasa menulis karangan jenis cerita ini.

### **Aplikasi jenis karangan perbincangan**

Ilmu pengetahuan dan pengalaman yang terkumpul sekian lama melalui pembelajaran di bilik darjah, khususnya membantu pelajar dalam proses pemikiran. Proses pemikiran menganalisis fakta-fakta yang penting dan relevan melalui kognisi yang tersemat dalam minda pelajar. Proses kognisi menyelami ke tahap bawah sedar untuk mengcungkil idea dan huraian tentang aspek 'langkah-langkah melindungi alam sekitar'. Selepas itu, pelajar berjaya menulis karangan berdasarkan format karangan perbincangan, iaitu memulakan karangan dengan pendahuluan, perkembangan isi dan penutup.

### **Aplikasi jenis karangan surat kiriman tidak rasmi**

Proses kognisi secara sedar seperti mengingat kembali, menganalisis, menghurai dan menyesuaikan maklumat dengan tajuk karangan yang diberikan telah berlaku serentak dengan proses kognisi di bawah sedar. Dalam konteks ini, proses penulisan karangan pelajar bersandar pada pengalaman memproses maklumat sejak di sekolah rendah melalui latihan tubi yang telah diarahkan oleh guru dalam pengajaran secara sistematik. Dengan adanya proses kognisi, proses penulisan karangan menjadi baik dan berkesan. Menurut Suppiah (2013 & 2014), perlu dilihat aspek afeksi yang mempengaruhi pemikiran pelajar semasa memikir, merancang dan menulis karangan.

### **RUMUSAN**

Pelbagai usaha perlu difikirkan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar agar mereka dapat menjalani proses pengajaran dan pembelajaran secara efektif. Walaupun mengajar cara penulisan sering dianggap mudah oleh sesetengah pihak, usaha-usaha yang giat perlu dilakukan bagi meningkatkan penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis. Oleh itu, sebagai warga pendidik yang bertanggungjawab untuk melahirkan generasi akan datang, keutamaan haruslah diberikan kepada peningkatkan prestasi pelajar-pelajar agar mampu bersaing dalam dunia global. Usaha guru dan murid itu sendiri merupakan faktor yang penting dalam memangkin kejayaan kepada setiap murid. Guru yang inovatif perlu peka terhadap setiap kelemahan murid dan memilih cara belajar yang sesuai mengikut kelemahan dan tahap kecerdasan murid. Hal ini adalah kerana cara belajar yang berkesan merupakan salah satu faktor utama dalam menentukan kecemerlangan murid dalam sistem pembelajaran mereka.

### **RUJUKAN**

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu sekolah rendah di luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 1*(1).
- Baharum Hj. Sulaiman. (1997). Pengajaran Karangan Bahasa Melayu (Bahagian 1). *Pelita Bahasa*, April: 21-23.
- Flower, L & Hayes, J. (1980). The dynamics of composing: Making plans and juggling constraints. Dlm. L. Gregg & E. Steinberg (Edi.), *Cognitive process in writing*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Assoc. Hal. 31-50.
- Hashim Othman. (2008). Penaksiran Kemahiran Menulis karangan Bahasa Melayu daripada Perspektif Komunikatif: Penetapan Piawai Perlakuan Minimum dan Analisis Kecekapan. *Dewan Bahasa 44*.
- Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Pengajian Melayu 3: komunikasi bahasa*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Loganathan. (1992). *Hermeneutic Analysis of Discourse*, International School of Dravidian Linguistics, India.
- Suppiah Nachiappan. (1997). *Imageri Dalam Esei: Kajian Hermeneutik Esei-esei Terpilih Pelajar Sekolah Menengah Atas*. (Tesis Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Suppiah Nachiappan. (2003). *Proses Kognitif Dalam Penulisan Esei Melalui Analisis Hermeneutik*. (Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan). Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.
- Suppiah Nachiappan, Hari Krishnan Andi & Velayudhan P. K. Veeran. (2012). Aplikasi Kognisi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik. Dalam *5th UPSI-UPI Conference On Education*, 1-3 OKT. 2012, Selangor.
- Suppiah Nachiappan. (2013). *Proses Kognisi dan Afeksi: Kaedah Pedagogi Hermeneutik dan Interpretasi*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Suppiah Nachiappan. (2014). *Gaya Bahasa dan Proses Kognisi: Kaedah Pedagogi Hermeneutik dan Interpretasi*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Shahlan, Shalinawati Ramli & Semah Rahman. (2013). Sumbangan Elemen Metakognitif Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 3(9): 79-91.